

Dijangka selesai sepenuhnya pada suku pertama 2015

# Kerja korek terowong MRT siap 88 peratus

Oleh MOHAMAD HARITH MOHAMAD NIZAR  
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 OKT.

**K**ERJA-KERJA mengorek terowong bawah tanah bagi projek Transit Aliran Massa (MRT) sepanjang 9.5 kilometer (km) berjalan lancar dan telah siap sebanyak 88 peratus setakat ini.



AMIR MAHMOOD



MARCUS LEVON KARAKASHIAN

Pengarah Projek MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Marcus Levon Karakashian berkata, kerja-kerja tersebut dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun depan melibatkan dua bahagian laluan terowong. "Laluan terowong dari stesen MRT Merdeka ke syaf Pudu sepanjang 0.7km iaitu jajaran menghala ke arah utara sudah bermula pada hari ini, manakala jajaran menghala ke arah selatan telah siap. "Bagi bahagian laluan terowong dari Pasar Seni ke Merdeka sepanjang 0.5km iaitu jajaran menghala ke arah utara akan bermula pada

## info

### PERKEMBANGAN KERJA-KERJA MENGOREK TEROWONG

BAHAGIAN	PANJANG	STATUS
> Semantan Protal - KL Sentral	1.6km	Siap
> KL Sentral - Pasar Seni	1.2km	Siap
> Pasar Seni - Merdeka	0.5km	Siap
Jajaran menghala ke utara bermula pada 29 Januari 2015, manakala jajaran menghala ke selatan bermula pada 23 Oktober 2014		
> Merdeka - Syaf Pudu	0.7km	
Jajaran menghala ke selatan telah siap, manakala jajaran menghala ke utara bermula pada 27 Oktober 2014		
> Syaf Pudu - Stesen MRT Bukit Bintang	0.3km	Siap
> Stesen MRT Bukit Bintang - Inai Syaf/Pasar Rakyat	1.2km	Siap
> Pasar Rakyat - Cochrane	1.1km	Siap
> Cochrane - Stesen MRT Maluri	1 km	Siap
> Stesen MRT Maluri - Maluri Portal	0.5km	Siap
> Keseluruhan penyempurnaan kerja-kerja mengorek		88%

29 Januari depan, manakala jajaran menghala ke selatan bermula pada Khamis lalu," katanya selepas meninjau kerja-kerja mengorek terowong di Jalan Bukit Bintang di sini, hari ini.


Sementara itu, Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak memberitahu, kerja-kerja mengorek itu tidak menjejaskan struktur serta bangunan di sekeliling tapak projek itu.

Bagaimanapun, jelasnya, dua formasi geologi di kawasan itu me-

nyukarkan kerja-kerja tersebut.

"Kawasan penghujung di sebelah timur Jalan Bukit Bintang mempunyai ciri-ciri batu kapur manakala di sebelah barat jalan tersebut pula mengandungi batu lumpur, syal, phylit dan batu pasir.

"Masalah tersebut dapat diselesaikan dengan menggunakan teknologi kejuruteraan kejituan tinggi termasuk penggunaan mesin pengorek terowong (TBM) yang dibangunkan bersama oleh Herrenknecht AG dari Jerman dan MMC Gamuda," katanya.



JENTERA TBM yang digunakan untuk mengorek terowong bawah tanah projek MRT di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIN ZON